

# Latihan kemahiran percuma untuk B40

Program  
dijangka  
bermula Ogos  
sasar tingkat  
pendapatan  
pekerja

Oleh Rohaniza Idris  
roha@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan melancarkan program latihan kemahiran percuma kepada kumpulan pekerja isi rumah terendah (B40) bagi meningkatkan kemahiran selaras dengan Revolusi Industri Keempat (IR 4.0).

Program yang dikenali sebagai Skim *B40 Capacity Building* itu dikendalikan Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dijangka dimulakan Ogos nanti yang disasarkan berupaya meningkatkan pendapatan pekerja terbabit.

Pelancaran skim itu disempurnakan Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran di Majlis Rumah Terbuka Hari Raya dan Hari Bertemu Pelanggan PSMB di sini, semalam.

Program itu adalah lanjutan pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan (Faedah Penuh) yang diperkenalkan kerajaan Januari lalu bagi membantu pekerja yang diberhentikan kerja.

Kulasegaran berkata, skim B40



**Ini satu lagi usaha kerajaan meningkatkan keupayaan dan kemahiran pekerja tempatan sebagai persediaan hadapi IR 4.0**

**M Kulasegaran,**  
Menteri Sumber Manusia

*Capacity Building* itu terbuka kepada golongan B40 sama ada yang masih bekerja, sudah diberhentikan kerja atau mereka yang masih mencari kerja.

Katanya, melalui skim itu pekerja bukan saja dapat meningkatkan kemahiran kerja tetapi menambah nilai kepada pekerja dalam pasaran kerja tempatan.

"Selain kenaikan gaji, pekerja yang berkemahiran kerja tinggi berpeluang naik pangkat dan masalah pengangguran juga da-

pat diatasi.

"Ini satu lagi usaha kerajaan meningkatkan keupayaan dan kemahiran pekerja tempatan sebagai persediaan menghadapi Revolusi Industri Keempat (IR 4.0)," katanya selepas pelancaran skim itu, di ibu pejabat PSMB di sini, semalam.

*B40 Capacity Building* selaras dengan penetapan dalam Rancangan Malaysia ke-11 yang memberi peluang pekerjaan lebih luas termasuk menceburi bidang perniagaan, keusahawanan dan bekerja sendiri.

Dianggarkan kumpulan pertama skim itu membabitkan 500 pekerja B40 yang mana latihan diberikan secara percuma terbuka kepada warganegara berusia 18 hingga 45 tahun.

Kulasegaran berkata, tahap kesediaan pekerja Malaysia menghadapi IR 4.0 masih rendah kerana jumlah pekerja yang berkemahiran tinggi dicatatkan pada kadar 28 peratus.

Katanya, kerajaan menyasarkan menjelang tahun depan, kemahiran pekerja dijangka pada kadar 35 peratus.

"Berdasarkan angka yang ada kini, Malaysia jauh ketinggalan jika dibandingkan negara jiran dan negara maju lain.

"Kita kena kerja lebih keras untuk memastikan sasaran 35 peratus dapat dicapai tahun depan. Saya sarankan majikan supaya melabur meningkatkan kemahiran pekerja mereka, jangan bimbang dengan kehilangan pekerja ini," katanya.

B/HARIAN 4/7/19  
ms 4